

Kekalkan momentum ekonomi negara – Abdullah

Oleh HABIBAH OMAR

PUTRAJAYA 3 April – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kejayaan membangunkan ekonomi negara perlu dikekalkan dengan memastikan momentumnya terus bergerak pada kelajuan yang setimpal dengan perubahan positif.

Menurut Perdana Menteri, ini bermakna kejayaan yang dikecapi itu bukan kejayaan yang dirasai sepintas lalu sahaja sebaliknya ia perlu diuruskan dengan baik.

“Urus kejayaan itu bermakna kita mahu kejayaan mapan, bukan kejayaan yang dirasai sepintas lalu, selepas itu meleset balik, bukan begitu.

“Saya akui masih ada masalah yang perlu kita atasi, kita tidak mengatakan segalanya sempurna, tetapi yang pentingnya dalam hal ini, kita perlu pastikan momentum itu terus bergerak ke hadapan tanpa adanya perkara lain yang kita tak ingin berlaku, seperti bencana alam dan pergolakan yang mungkin berlaku di peringkat global,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada perhimpunan bulanan Kementerian Kewangan di sini, hari ini.

Hadir sama Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Awang Adek Hussin dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, perbelanjaan yang digunakan untuk memulihkan ekonomi negara perlu dilakukan dengan berhemat dan bukan secara kedekut.

Menurutnya, dengan defisit yang semakin menurun, pencapaian dalam sektor-sektor lain juga menunjukkan bukti dan di seba-

lik kejayaan itu ada sikap ber-sungguh-sungguh untuk memajukan ekonomi supaya meningkat maju.

“Kita juga memang tahu, sebenarnya dengan pengalaman selama ini banyak cabaran dan juga kemungkinan berlakunya apa-apa di luar jangkaan.

“Itu akan berlaku tapi kita mesti sentiasa bersedia untuk hadapi dan mengambil langkah yang diperlukan,” katanya.

Kata beliau: “Ini supaya kalau ia berlaku, maka kita dapat mengurangkan kesan buruk dan mengatasi kesan itu secepat mungkin.

“Kalaupun yang berlaku itu pula ada merupakan tanda-tanda yang baik, tentu sekali dengan cepat dan tangkas mengambil peluang yang baik itu untuk mengambil langkah yang boleh merangsangkan ekonomi kita, ertinya kita mesti sentiasa berada dalam keadaan yang sedia.”

Dalam ucapannya itu, Perdana Menteri turut menyatakan bahawa ekonomi negara sekarang bertambah baik daripada dahulu dan ia jelas dapat dilihat dengan fakta-fakta yang menyokong kepada kejayaan ekonomi negara.

Biar pun ada orang tertentu yang mengkritik, namun tegas beliau, ketika ini negara sedang melihat perubahan yang sedang berlaku hasil usaha yang telah dimulakan sejak sekian lama dulu.

“Saya ambil kesempatan ini untuk sampaikan ucapan tahniah, terima kasih yang saya terima daripada ramai orang dengan kedudukan ekonomi yang bertambah baik,” katanya.

Kepada kakitangan Kementerian Kewangan pula, Perdana Menteri meminta supaya kelemahan dan keputusan yang diperlukan oleh mana-mana pihak perlu dipertingkatkan lagi kerana bukan



ABDULLAH Ahmad Badawi bersalaman dengan Dr. Wan Abdul Aziz Abdullah yang baru dilantik sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan sambil diperhatikan oleh Dr. Awang Adek Hussin selepas menyampaikan ucapan pada majlis perhimpunan bulanan Kementerian Kewangan di Putrajaya, semalam.
– Gambar **ABDUL NAZIR MOHAMED**

kementerian itu sahaja yang terlibat dalam membuat keputusan besar di peringkat dasar.

Ini kerana, katanya, mereka juga memerlukan kerjasama daripada agensi lain termasuk sektor swasta dan apabila kedua-duanya komited, maka kejayaan yang lebih besar bagi negara, ekonomi dan masa depan rakyat akan dicapai.

Urus kejayaan itu bermakna kita mahu kejayaan itu dengan mapan, bukan kejayaan yang dirasai sepintas lalu, selepas itu meleset balik, bukan begitu

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

PERDANA MENTERI
KEMENTERIAN PERBENDAHARAAN
PUTRAJAYA